

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah daif dan peruntukan disediakan untuk membaiki sekolah-sekolah daif di Parlimen Tanjong Manis. Apakah status pembinaan beberapa buah sekolah daif yang telah diluluskan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada usaha menyediakan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah yang dapat berfungsi dengan baik untuk semua sekolah di seluruh negara. Ini adalah penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam keadaan selamat serta selesa di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bangunan di sekolah yang mengalami kerosakan dan kemerosotan dari segi kondisi fizikal bangunan berubah dari semasa ke semasa dan bersifat dinamik.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) iaitu bagi tahun 2016 sehingga tahun 2020 dan Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan 1* (RP1) tahun 2021, sebanyak 14 projek naik taraf dan pembangunan semula sekolah yang mempunyai bangunan daif dengan kos berjumlah RM69.44 juta telah diluluskan bagi Parlimen Tanjung Manis. Sehingga 30 September 2021, 5 projek telah siap, 2 projek berada dalam fasa pembinaan dan 7 projek lagi berada dalam fasa pra bina.

Berdasarkan rekod KPM, masih terdapat 13 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif di Parlimen Tanjung Manis. 3 daripada 13 buah sekolah ini mempunyai bangunan dalam skala 7, iaitu disahkan tidak selamat digunakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Manakala 10 buah sekolah lagi mempunyai bangunan daif dalam skala 6, iaitu disahkan tidak selamat oleh pihak teknikal PPD atau JPN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengambil kira kondisi fizikal bangunan berubah dari semasa ke semasa dan bersifat dinamik, terdapat sekolah yang telah diluluskan untuk naik taraf dan penggantian bangunan daif sebelum ini masih lagi tersenarai sebagai sekolah yang mempunyai bangunan daif. Ini kerana, terdapat bangunan lain di sekolah tersebut telah berubah kepada skala 6 dan 7. Senarai sekolah berkenaan adalah seperti yang berikut:

- i. SK St Andrew;
- ii. SK Sg. Selidap;
- iii. SK Bukit Kinyau;
- iv. SK Muara Payang;
- v. SK Adin; dan
- vi. SK Abang Haji Matahir.

Manakala 7 sekolah yang mempunyai bangunan daif yang belum pernah diluluskan naik taraf dan pembangunan semula adalah seperti berikut:

- i. SK Jawa;
- ii. SK Mandur Aris;
- iii. SK Mupong Ulin;
- iv. SK Sarikei;
- v. SK Sg. Sentebu;
- vi. SK Sg. Sian; dan
- vii. SK Tanjung Bundung.

Kesemua 13 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif ini akan dimohon dalam RMKe-12 untuk dinaik taraf dan dibangunkan semula. Kelulusan permohonan ini tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan.

KPM sentiasa komited untuk memastikan sekolah dalam keadaan baik dan selamat digunakan.